



INTERNATIONAL COLLEGE of YAYASAN MELAKA

Ruj. Kami : ICYM/ADD/2026 (2)
Tarikh : 24 Jun 2026

KEPADA SEMUA PENSYARAH BAHAGIAN AKADEMIK

Tuan/ Puan,

SURAT PEKELILING: BAHAGIAN PEMBANGUNAN AKADEMIK (Bil. 1/2026)

PERKARA: PEMATUHAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) DI RUANG PEMBELAJARAN YANG DITETAPKAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bagi memastikan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berjalan dengan teratur, profesional dan selaras dengan keperluan jaminan kualiti akademik institusi, semua pensyarah adalah dikehendaki melaksanakan sesi PdP di ruang pembelajaran yang telah dijadualkan dan ditetapkan oleh pihak kolej/Unit Penjadualan.
3. Sehubungan itu, sesi PdP hendaklah dijalankan di bilik kuliah, makmal, bengkel atau ruang pembelajaran rasmi yang telah diperuntukkan. Pelaksanaan PdP di ruang pejabat, sekolah atau mana-mana lokasi lain yang tidak ditetapkan sebagai ruang pembelajaran rasmi adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan pihak pengurusan. Ketetapan ini bertujuan untuk:
 - i. Memastikan kemudahan dan fasiliti pembelajaran digunakan secara optimum.
 - ii. Mengekalkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan profesional.
 - iii. Memudahkan proses pemantauan, verifikasi dan audit akademik.
 - iv. Memastikan pematuhan terhadap jadual dan lokasi PdP yang telah diluluskan.
4. Perlu ditegaskan bahawa walaupun bilangan pelajar yang hadir hanya seorang, sesi PdP hendaklah tetap dilaksanakan di ruang pembelajaran yang telah dijadualkan. Bilangan pelajar yang hadir tidak boleh dijadikan alasan untuk memindahkan sesi PdP ke ruang pejabat, sekolah atau mana-mana lokasi lain yang tidak ditetapkan sebagai ruang pembelajaran rasmi.

5. Bersama-sama ini disertakan Lampiran A: Ketetapan Pengurusan Bil. 1/2026 mengenai Pematuhan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Ruang Pembelajaran yang Ditetapkan untuk perhatian dan tindakan semua pihak.

6. Kerjasama dan komitmen semua pensyarah dalam mematuhi ketetapan ini amatlah dihargai demi memastikan standard penyampaian akademik serta kualiti pembelajaran pelajar sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

 24/6/26
FARIDAH BINTI JOHAR
Ketua Bahagian Akademik



KETETAPAN PENGURUSAN BIL. 01/2026

PEMATUHAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)
DI RUANG PEMBELAJARAN YANG DITETAPKAN

Pengurusan Tertinggi Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka menetapkan bahawa:

1. Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) hendaklah dilaksanakan di ruang pembelajaran yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh kolej.
2. Pelaksanaan PdP di ruang pejabat, bilik pentadbiran, ruang sekolah/jabatan atau mana-mana ruang yang tidak diperuntukkan sebagai ruang pembelajaran adalah tidak dibenarkan.
3. Sebarang keperluan penggunaan ruang selain daripada ruang pembelajaran yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pihak yang berkuasa.
4. Ketua Bahagian, Dekan, Ketua Program dan Ketua Unit bertanggungjawab memastikan pematuhan ketetapan ini dalam kalangan pensyarah di bawah seliaan masing-masing.
5. Ketetapan ini berkuat kuasa serta-merta dan hendaklah dipatuhi oleh semua pensyarah.

DISOKONG OLEH

Amir Ekri Bin Mohd Khay
Ketua Operasi ICYM / Pendaftar
Tarikh:

DILULUSKAN OLEH

Aminalrashid Bin Mohd Hussain
Ketua Eksekutif
Tarikh: 1/7/2026